

TALKING POINTS

YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH

ABDULLAH

PRESIDEN ANGKASA

MERANGKAP PRESIDEN ASEAN CO-

OPERATIVE ORGANIZATION (ACO)

PERASMIAN MAJLIS PELANCARAN

**PROJEK PERUMAHAN MAMPU MILIK
TULIP UNTUK WARGA KOPERASI
USAHASAMA KOPERASI PERUMAHAN
AWAM MALAYSIA (KOPAMA) BERHAD
DAN CHESTER DENAI ALAM SDN BHD**

**10 MAC 2023 (JUMAAT), JAM 9:30
PAGI, GALLERY TULIP, DENAI ALAM,
SHAH ALAM**

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM
Assalamulaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Malaysia Madani

Terima kasih Pengacara Majlis

[SALUTASI DISEDIAKAN URUS SETIA]

1. Alhamdulilah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana diberi kesempatan untuk saya bersama-sama dalam majlis Pelancaran Projek Perumahan Mampu Milik Tulip Untuk Warga Koperasi, usaha sama Koperasi Perumahan Awam Malaysia (KOPAMA) Berhad dan Chester Denai Alam Sdn. Bhd.

2. Saya mengambil kesempatan ini, mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada KOPAMA dan rakan strategik, Chester Denai Alam atas kejayaan pelancaran projek ini.

**Dato'-Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan
yang dihormati sekalian**

3. Dua isu utama perumahan di Malaysia, PERTAMA – harga meningkat tidak setara dengan pendapatan rakyat. Pada tahun 2000 harga rumah RM350,000 tetapi kini meningkat pada sekitar RM 1 juta dengan keluasan yang sama.

4. Pusat Maklumat Harta Tanah Negara melaporkan bahawa harga hartanah meningkat dua kali ganda sejak tahun 2010, meningkat 99.3 peratus dengan 5 peratus rakyat Malaysia tidak mampu membeli rumah.

5. Menurut Lagenda Properties iaitu pakar terkemuka dalam membangunkan semula tanah untuk membina perumahan mampu milik, kebanyakkan rumah yang dibina di bawah skim rumah mampu milik untuk B40 masih dianggap ‘tidak mampu milik’. Kemampuan maksimum B40 pada RM230,000 manakala harga

purata sebuah rumah lebih RM380,000. Ini menunjukkan ketidakpadanan harga dan kemampuan kumpulan B40.

6. KEDUA – bilangan/jumlah rumah mampu milik yang disediakan terhad/tidak cukup berbanding permintaan. Berdasarkan statistik

Perumahan Negara daripada 117,766 jumlah unit rumah baharu dibina pada 2020, hanya 14,094 unit atau 12 peratus perumahan kos rendah, berharga kurang daripada RM400,000. Ia tidak selaras dengan matlamat Majlis Perumahan Mampu Milik Negara yang menyasarkan membina 100,000 unit kos rendah pada setiap tahun.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati sekalian

7. Justeru itu, inilah peluang dan peranan koperasi, menyokong kerajaan menyediakan rumah berkualiti dan mampu dimiliki untuk rakyat terutamanya golongan B40

yang secara purata berpendapatan RM2,500 sebulan.

8. Saya menyakini dan percaya, usaha sama KOPAMA dan Chester Denai Alam Sdn Bhd bakal merancakkan sektor harta tanah dan pembinaan koperasi di negara ini,

khkusnya pemilikan rumah untuk warga koperasi.

9. Selain itu, kerjasama strategik ini merupakan usaha yang digalakkan untuk mencergaskan sektor koperasi sebagai penyedia rumah mampu milik dan lot-lot perniagaan pada harga berpatutan.

10. Dengan kekuatan sektor koperasi perumahan berjumlah 309 dan pembinaan berjumlah 248 buah koperasi, saya percaya gerakan koperasi dapat mengembalikan kegemilangan sebagai penyedia perumahan mampu milik seperti yang pernah dicapai sebelum ini.

STATISTIK INTERIM 2022

Perkara	Hartanah	Industri pembinaan
Bil. koperasi	309	248
Bil. Anggota	140,633	93,168
Syer/yuran	RM176.77 juta	RM40.06 juta

Aset	RM1.089 bilion	RM256 juta
Perolehan	RM63.89 juta	RM32.63 juta

11. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan ucapan tahniah atas pelancaran projek perumahan ini, dan terima kasih kepada KOPAMA

menjemput saya menjayakan majlis pada hari ini. Semoga projek ini memberi manfaat dan kemudahan kepada warga koperasi untuk memiliki rumah.

Dengan lafaz
Bismillahirrahmaanirrahim, saya
merasmikan Pelancaran Projek

Perumahan Mampu Milik Tulip Untuk
Warga Koperasi Usaha sama Koperasi
Perumahan Awam Malaysia Berhad
dan Chester Denai Alam Sdn. Bhd.

Sekian, terima kasih.